

Mahathir enggan ulas pertemuan Pas-Umno

BH 18 FEB 2001

KUALA LUMPUR: "Saya tidak boleh ulas apa-apa berkenaan pertemuan ini. Kita tungguhlah 19 haribulan ini (esok)," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai pertemuan Pas-Umno yang dijadualkan, esok.

Perdana Menteri berkata, beliau khuatir pandangannya akan menjejaskan pertemuan yang membincangkan isu perpaduan Melayu itu.

"Takut nanti ada yang tidak puas hati kalau saya buat apa-apa (komen), walaupun saya cuma beri maklumat biasa saja," katanya pada sidang akhbar sele-

pas melancarkan Perhimpunan Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk K-ekonomi, di Stadium Putra, Bukit Jalil, di sini semalam.

Ditanya sama ada Umno setuju dengan syarat Pas supaya pertemuan itu turut menyentuh isu perpaduan nasional, Dr Mahathir berkata: "Bukan soal bersetuju atau tidak. Yang penting kita bertemu. Apabila kita bertemu, kita bolehlah bercakap apa pun."

Sabtu lalu, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT), Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengumumkan Umno bersetuju mengada-

kan pertemuan pada 19 Februari ini.

Semalam, jawatankuasa teknikal Umno-Pas mengadakan pertemuan kali kedua di Carcosa Seri Negara di sini selama kira-kira dua jam.

Bagaimanapun, kedua-dua pihak enggan bercakap mengenai hasil perbincangan itu kepada pemberita yang menunggu di luar kawasan penginapan itu.

Jawatankuasa teknikal Umno diketuai Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob, manakala Setiausaha agung PAS Nasharuddin Mat Isa, mengetuai jawatankuasa Teknikal Pas.